

30/09/1997

Pengindahan Kolam Air Panas LA bawa kemajuan

Mohammad Ishak

SUDAH banyak pusat pelancongan dan rekreasi di negara ini, terutama pesisiran pantai, pulau dan kawasan pedalaman, yang sebelum ini didapati terbiar dan tidak dimajukan diberi perhatian pihak berkuasa dengan membangunkan tempat itu sehingga terkenal.

Kesediaan pihak terbabit sama ada kerajaan, swasta dan penguasa tempatan memulihara tempat pelancongan dan rekreasi semakin jelas kerana sektor berkenaan mampu menyumbangkan sumber ekonomi kepada pembangunan negara, selain mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Ini berbeza dengan keadaan sebelum ini kerana industri pelancongan tidak diberi perhatian menyebabkan banyak tempat menarik dan berpotensi terbiar dengan hanya dikunjungi penduduk tempatan.

Kolam Air Panas LA, di pedalaman Hulu Besut, Terengganu, umpamanya, adalah satu tempat menarik dan agak unik yang jarang didapati di negara ini. Tempat itu kini muncul sebagai salah satu destinasi popular dan menjadi pilihan pelancong apabila berkunjung ke negeri ini.

Tempat itu sebelum ini terbiar dan tidak siapa yang mahu mengunjunginya. Kedudukannya yang tersorok dan tidak mempunyai kemudahan asas, jalan raya melemahkan semangat pengunjung memilih tempat itu.

Bagaimanapun, keadaan itu kini jauh berubah apabila kerajaan berusaha memajukan tempat itu dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan untuk keselesaan orang ramai yang berkunjung.

Sejak dibuka kepada orang ramai pada September 1992, tidak kurang 500 pengunjung dari dalam dan luar negara ke tempat itu setiap minggu untuk melihat keunikan air panas yang memancut keluar dari celah batu di sebuah bukit kecil.

Terletak kira-kira 36 kilometer dari Jertih, Terengganu menghala ke barat Hulu Besut, pengunjung boleh sampai ke situ dengan menaiki bas, kereta, van, motosikal atau berbasikal.

Perjalanan dengan kereta yang mengambil masa kira-kira 45 minit dari Jertih, pasti tidak membosankan pengunjung kerana sepanjang perjalanan dapat melihat pemandangan dan kampung tradisional di Besut.

Keistimewaan tempat itu ialah, pengunjung dapat menikmati air panas yang mengalir dari celah batu di sebuah bukit yang disalurkan ke sebuah kolam khas membolehkan orang ramai bermandi-manda.

Ada tiga lubang kecil yang menjadi punca air panas keluar dari perut bumi yang berbau belerang dan dikatakan mampu memasak telur selepas direndam selama setengah jam.

Kepanasan air di situ menyebabkan agak jarang pengunjung yang mampu bertahan jika mandi atau berendam. Bagaimanapun, pengunjung boleh menikmati keadaan air suam di sebatang anak sungai di bawah kolam yang disediakan.

Kolam Air Panas LA atau kini dikenali dengan LA Hot Spring bukan sahaja menjadi tumpuan pengunjung untuk mandi manda dalam kehangatan air panas, malah ada pengunjung datang untuk mengubati penyakit gatal kulit dan lemah anggota.

Kisah ramai pengunjung yang menghidap sakit lumpuh dan gatal kulit yang merendamkan bahagian anggota yang sakit ke dalam air panas itu sembuh, mendorong lebih ramai pesakit seperti itu datang untuk berikhtiar kerana air di situ mengandungi belerang asli dan berkhasiat untuk mengubati penyakit berkenaan.

Pejabat Daerah Besut (PDB) berusaha memajukan tempat itu dengan

menyediakan pelbagai kemudahan kerana ia satu-satunya destinasi pelancongan yang unik dan jarang ditemui di negeri ini.

Tidak hairan, jika tempat itu bukan sahaja menjadi pilihan pelancong kelas biasa, malah ia mencatatkan sejarah tersendiri apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Sultan Terengganu dan Permaisuri, turut menjejakkan kaki ke tempat itu untuk melihat sendiri keunikan alam ciptaan Tuhan.

(END)